

agama

Sudah sampai masanya

DAPATLAH disimpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dihalang oleh sikap para hakim dan peguam itu sendiri. Undang-Undang telah pun mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi sesetengah ahli perundangan mengambil sikap memilih undang-undang yang mana mereka ingin patuhi dan yang mana mereka boleh ketepikan. Sikap ini harus diubah kerana semua undang-undang harus dihormati tanpa mengira, sama ada kita suka ataupun sebaliknya.

Lantaran itu sudah sampai masanya bagi bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di mahkamah tanpa mengira hierarki mahkamah itu sendiri.

Malah perjanjian-perjanjian yang dibuat, sama ada perjanjian jual beli, perjanjian sewaan, dokumen pinjaman dan lain-lain lagi juga sudah sewajarnya ditulis di dalam bahasa Melayu mulai sekarang.

Komunikasi di antara peguam juga perlu ditulis di dalam bahasa Melayu berbanding dengan apa yang berlaku sekarang, iaitu rata-ratanya semua surat-menyurat dibuat dalam bahasa Inggeris.

Dalam menjawab isu ini, Majlis Peguam mengatakan isu ini adalah tidak relevan lagi kerana peguam-peguam semuanya mempunyai kelayakan yang mencukupi di dalam bahasa Melayu dan mereka petah berbahasa Melayu.

Jika benar apa yang dikatakan itu sudah tentu Majlis Peguam tidak perlu gusar terhadap pandangan ini kerana mereka sendiri mengakui peguam petah berbahasa Melayu. Jadi apa yang ditunggu lagi? Laksanakanlah penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dengan segera.

Sudah sekian lama kita meminggirkan bahasa Melayu. Sudah sampai masanya tindakan drastik diambil bagi memulihkan kedudukan bahasa Melayu di Malaysia. Jika suatu ketika dahulu Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* (bahasa utama) Nusantara. Tidak mustahil kegemilangan bahasa Melayu ini akan dapat dikembalikan semula.

Apa yang perlu dilakukan ialah tindakan bersepadu daripada semua pihak bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja di mahkamah malah di dalam setiap urusan harian kita. Sampai bilakah mahkamah sivil enggan memartabatkan Bahasa Kebangsaan?

Bahasa Melayu di mahkamah

Penolakan terhadap penggunaan bahasa Melayu bertitik-tolak daripada sikap hakim, peguam

Tinta
PPMM

Oleh DATUK ZAINUL RIJAL ABU BAKAR
zainul.rijal@abubakar.my

PADA umumnya tahap pemakaian bahasa Melayu di mahkamah masih boleh dipertingkatkan lagi. Ini adalah kerana apa yang berlaku sekarang bahasa Melayu memang dijadikan bahasa utama di mahkamah-mahkamah rendah (mahkamah majistret dan mahkamah sesyen).

Namun, di mahkamah-mahkamah atasan seperti mahkamah tinggi, mahkamah rayuan dan mahkamah persekutuan, penggunaan bahasa Melayu masih lagi asing. Keadaan ini sebenarnya agak janggal, apatah lagi setelah mengambil kira bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ia bertambah janggal apabila mengetahui bahawa para hakim dan peguam disyaratkan mendapat sekurang-kurangnya kepujian di dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sebelum boleh diterima masuk sebagai peguam ataupun menyertai sektor perundangan dan kehakiman.

Lebih teruk lagi ialah negara telah pun merdeka lebih 51 tahun yang lalu. Di manakah letaknya nilai dan martabat bahasa Melayu di mahkamah?

Tambahan pula sejak 41 tahun yang lepas naskhah sahah undang-undang telah ditulis di dalam bahasa Melayu. Naskhah bahasa Inggeris tidak lagi dijadikan naskhah sahah sejak dari tahun tersebut melainkan beberapa undang-undang yang tertentu.

Seharusnya para peguam dan hakim merujuk kepada naskhah sahah versi bahasa Melayu di dalam prosiding mahkamah dan bukan terjemahannya di dalam bahasa Inggeris.

Kenapa perkara sebegini masih berlaku? Seolah-olah terdapat penolakan terhadap penggunaan bahasa Melayu di mahkamah. Tidak lain tidak bukan, ia disebabkan oleh sikap para hakim dan peguam itu sendiri.

Sebahagian peguam dan hakim tidak dapat menerima hakikat kedudukan

bahasa Melayu di sisi Perlembagaan Persekutuan. Ini jelas dilihat apabila prosiding mahkamah masih berterusan menggunakan bahasa Inggeris.

Ramai yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai perkataan yang tepat bagi mentafsirkan sesuatu. Oleh itu, ia tidak sesuai dijadikan bahasa pengantara di mahkamah. Hujahan ini tidak dapat diterima kerana jika kita tidak memberi ruang dan peluang kepada bahasa Melayu bagaimanakah laras bahasa Melayu itu akan berkembang?

Bahasa Inggeris telah jauh ke hadapan kerana penggunaannya yang meluas. Jika bahasa Melayu tidak digunakan dengan meluas bagaimana mampu bahasa Melayu ini berkembang. Sebagai seorang warganegara Malaysia sudah pasti tanggungjawab kita memartabatkan bahasa kebangsaan kita.

TERBUKA HATI

Pihak kerajaan pernah menukar nama bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia dengan harapan masyarakat bukan Melayu akan lebih terbuka hati menggunakan bahasa tersebut, tetapi tindakan itu diibaratkan hanya seperti mencurahkan air di daun keladi. Malah dalam kalangan peguam dan hakim Melayu juga ada yang meminggirkan bahasa ibunda mereka sendiri dan mengagungkan bahasa asing atas pelbagai alasan.

Realitinya buat masa ini di mahkamah-mahkamah atasan, apabila sesuatu prosiding itu dilakukan dalam bahasa Melayu, seolah-olah peguam tersebut adalah peguam kelas kedua dan tidak dapat mengendalikan percabaran dengan baik.

Walaupun ia tidak tersurat tetapi persepsi ini amat dirasai oleh kalangan peguam yang ingin mengendalikan prosiding mahkamah dalam bahasa Melayu. Persepsi inilah yang harus dikikis



Memang tidak dinafikan bahawa ada juga hakim-hakim di mahkamah atasan yang bertegas mengarahkan percabaran dijalankan di dalam bahasa Melayu. Untuk itu, pujian harus dirakamkan buat hakim-hakim tersebut kerana usaha mereka yang ingin memartabatkan bahasa Melayu."

daripada kalangan peguam dan hakim.

Memang tidak dinafikan bahawa ada juga hakim-hakim di mahkamah atasan yang bertegas mengarahkan percabaran dijalankan di dalam bahasa Melayu.

Untuk itu, pujian harus dirakamkan buat hakim-hakim tersebut kerana usaha mereka yang ingin memartabatkan bahasa Melayu.

Lebih ramai lagi hakim perlu melakukan perkara yang sama dan menulis penghakiman mereka dalam bahasa Melayu. Lebih ramai lagi peguam yang perlu tampil di hadapan hakim dan berbicara di dalam bahasa Melayu.

MEMPERBAIKI DIRI

Ada juga yang mengatakan oleh kerana mereka belajar undang-undang di dalam bahasa Inggeris agak sukar bagi mereka mengendalikan kes di dalam bahasa Melayu. Perkara ini sebenarnya adalah alasan yang terlalu remeh.

TINDAKAN
bersepadu
perlu daripada
semua pihak bagi
memartabatkan
penggunaan
bahasa Melayu di
mahkamah.
- GAMBAR HIASAN

Kita akan dapati bahawa ada universiti tempatan yang mengajar undang-undang di dalam bahasa selain Bahasa Melayu. Umpamanya di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

UIAM mengajar mahasiswanya undang-undang di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Namun kita dapati graduan UIAM boleh mengendalikan perbicaraan di mahkamah dalam bahasa Melayu dengan baik.

Lihat pula di mahkamah syariah, sejak ditubuhkan lagi telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Walaupun hakim dan peguam syarie terpaksa merujuk kepada penghakiman-penghakiman yang ditulis oleh hakim mahkamah sivil di dalam bahasa Inggeris serta kitab-*kitab* tulisan ulama silam di dalam bahasa Arab, terutamanya kitab-*kitab* *thurath* yang menggunakan bahasa Arab klasik namun mereka masih boleh berbicara dengan baik di mahkamah syariah dengan menggunakan bahasa Melayu.

Ada juga yang mengandaikan sekiranya mereka menggunakan bahasa Melayu di dalam perbicaraan maka ia akan memprejudiskan hak anak guam mereka daripada mencapai keadilan. Sebenarnya ini adalah manifestasi dan pengakuan mereka sendiri yang enggan menggunakan bahasa Melayu.

Ia hanya menggambarkan kelemahan peguam itu sendiri. Seharusnya mereka ini memperbaiki diri masing-masing ke arah memartabatkan bahasa Melayu di negara kita ini.

Kelemahan mereka sendirilah yang sebenarnya menjadi batu penghalang kepada keadilan anak guam mereka.